



24 APR, 2026

Baiti Jannati bantu 347 keluarga 1 miliki kediaman selesa

Utusan Malaysia, Malaysia



HANNAH Yeoh menyampaikan Sijil Pemilikan Unit Kediaman PBJ@Wilayah Persekutuan kepada salah seorang penerima di Dewan Serbaguna Perumahan Awam Desa Rejang, Setapak, Kuala Lumpur, semalam.

Baiti Jannati bantu 347 keluarga miliki kediaman selesa

Oleh **HANAFA ZULKEFLI** dan **MUHAMMAD AKMAL ZUHDI**
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Sebanyak 347 keluarga kini menikmati kediaman lebih selesa menerusi Program Baiti Jannati (PBJ)@Wilayah Persekutuan yang mencerminkan usaha berterusan meningkatkan kesejahteraan rakyat secara menyeluruh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Hannah Yeoh berkata, ia merangkumi keseluruhan rumah yang telah diserahkan kepada penerima sejak pelaksanaan program pada 2016.

Katanya, daripada jumlah itu, 161 rumah bernilai RM8.19 juta diserahkan kepada Wilayah Per-

sekutuan Kuala Lumpur melalui kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

“Bagi 2026, 20 unit lagi disediakan khusus untuk tujuh Parlimen melibatkan golongan berpendapatan rendah.

“Agihan tahun ini melibatkan empat penerima di Parlimen Bandar Tun Razak, Batu dan Setiawangsa, tiga di Parlimen Cheras, dua masing-masing di Parlimen Lembah Pantai dan Bukit Bintang serta satu di Parlimen Wangsa Maju.

“20 unit itu merupakan tambahan terkini kepada jumlah keseluruhan, sekali gus meningkatkan lagi bilangan penerima yang mendapat manfaat secara langsung daripada program tersebut,” katanya dalam sidang

akhbar pada Majlis Penyampaian PBJ@Wilayah Persekutuan di Dewan Serbaguna Perumahan Awam Desa Rejang, Setapak, di sini semalam.

Tambah Hannah, rumah yang diberikan bukan binaan baharu sebaliknya unit sedia ada milik DBKL yang dibaik pulih sepenuhnya sebelum diserahkan kepada penerima.

Katanya, kos baik pulih bagi setiap unit dianggarkan sekitar RM50,000 dengan pembiayaan disalurkan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) melalui dana zakat dan tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Katanya, sehingga 2025, TNB telah membelanjakan lebih RM69 juta bagi menyediakan 997 unit rumah di seluruh negara.